

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**[ LIBARAN ]**  
**TARIKH : 31.3.2014 (ISNIN)**

**DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kaedah lebih sistematik dalam aspek penetapan harga barangan serta tugas pemantauan penguatkuasaan berbanding kaedah sedia ada seperti sistem tanda harga manual sudah diguna pakai sejak lebih 20 tahun lalu.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Malaysia mengamalkan ekonomi bebas dan harga barangan dalam negara ditentukan oleh kuasa pasaran iaitu penawaran dan permintaan. Kerajaan tidak mencampuri perjalanan pasaran niaga secara keterlaluan bagi membolehkan persaingan yang sihat dalam perniagaan. Selain itu, Kerajaan hanya menetapkan harga barang kawalan bersubsidi serta barangan harga terkawal semasa musim perayaan yang melibatkan perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai. Kesemua penentuan harga ini dilakukan dalam keadaan tertentu dan mengikut keperluan bagi menjaga kepentingan rakyat.

Penandaan harga merupakan kewajipan peniaga runcit di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993. Penandaan harga ini memberi peluang kepada pengguna membuat perbandingan dan keputusan untuk membeli barangan pada harga yang berpatutan. Peniaga yang gagal mematuhi keperluan perundangan ini boleh diambil tindakan di bawah Perintah tersebut.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengalakkan para peniaga untuk menggunakan kaedah penandaan harga yang lebih moden, efisien dan sistematik sesuai dengan kepesatan perkembangan ekonomi dalam negara seperti menggunakan *bar code* pada barangan yang hendak dijual. Ia bukan sahaja mudah tetapi juga akan mengurangkan keperluan membuat penandaan secara individu.